









































































































































































































































































































































































































## BAB V

### PENUTUP

#### 5.1. Rumusan dan kesimpulan

Daripada pelbagai pembahasan yang telah pengkaji sebutkan, dan juga analisis data yang telah pengkaji jalankan maka dalam hal ini dapat disimpulkan beberapa perkara penting iaitu:

Muhammadiyah iaitu suatu pertubuhan Islam yang terbesar di Indonesia yang merupakan pertubuhan yang telah menjalankan idea pembaharuan pemikiran Islam dan bergerak di pelbagai bidang kehidupan umat Islam. Pertubuhan ini diasaskan dengan matlamat mengajak umat kembali kepada Tauhid dan cara beribadah yang bersesuaian dengan ajaran *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* dan membersihkan unsur-unsur *khurafāt* dan *bid'ah*. Ianya juga bertujuan untuk membaiki sistem pendidikan, melakukan amalan-amalan kebajikan sepertimana menolong golongan miskin.

Cita-cita perjuangan Muhammadiyah yang diletakkan oleh pengasasnya KH. Ahmad Dahlan tahun 1912, iaitu: *pertama*, membersihkan Islam di Indonesia dari pengaruh dan kebiasaan-kebiasaan yang bukan Islam, *kedua*, merumuskan kembali doktrin Islam dengan pandangan alam pikiran modern, *ketiga*, reformasi ajaran-ajaran dan pendidikan Islam, *keempat*, Mempertahankan Islam dari pengaruh dan serangan luar, *kelima*, Melepaskan Indonesia dari belunggu penjajahan.

Patut untuk dikenali bahawa Muhammadiyah bukanlah sebuah ideologi pemikiran atau bukan pula sebuah mazhab sepertimana halnya mazhab-mazhab terdahulu. Melainkan



ianya merupakan sebuah pertubuhan (*organization*) yang bersifat sosial keagamaan yang tumbuh dan berkembang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh umat. Muhammadiyah mengeluarkan fatwa tentang hukum-hukum Islam, akan tetapi fatwa berkenaan tidaklah mengikat masyarakat sehingga mesti beramal bersesuaian dengannya. Melainkan ianya merupakan sumbangan pemikiran yang dihasilkan melalui *ijtihād jamā'iy* daripada ulama-ulama Muhammadiyah. Kerana Muhammadiyah bukanlah lembaga rasmi kerajaan yang sentiasa mengeluarkan statemen yang semestinya diikuti dan diamalkan oleh masyarakat.

Kemudian dalam perbincangan mengenai pen-*tarjih*-an *ḥadīth*, para ulama telah membuat standard yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam men-*tarjih*-kan *ḥadīth-ḥadīth* yang nampak ber-*ta'āruḍ*. Antaranya usul fiqh dan ulama *ḥadīth*. Ulama usul membuat kaedah tersebut bagi memberikan solusi jika *ta'āruḍ* itu berlaku. Solusi yang dimaksud ialah *tarjih* bagi menentukan mana satu yang lebih *rājih*. Pengkaji dalam hal ini hanya memfokus kepada *tarjih ḥadīth* Rasul SAW. yang nampak ber-*ta'āruḍ*, dan telah menjelaskannya secara lebih spesifik. Didapati ada 3 (tiga) kategori dalam men-*tarjih*-kan *ḥadīth*, iaitu: Pen-*tarjih*-an dari sudut perawi, Pen-*tarjih*-an dari sudut *matan ḥadīth*, Pen-*tarjih*-an dari lain-lain faktor, perbincangan ini boleh merujuk kepada bab dua. Semua cara tersebut telah pengkaji jelaskan secara detail, dan beberapa kaedah berkenaan telah diaplikasikan dalam bab empat bagi menganalisis fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muhammadiyah.

Dari sudut *manhāj* yang dikenal dikalangan Muhammadiyah, mereka mengertikannya sebagai acuan penggalian hukum Islam, baik dari *dalīl naqliy* maupun *'aqliy*. Muhammadiyah merumuskan pedoman dalam ber-*ijtihād* dengan menggunakan sebutan "*Pokok-Pokok Manhāj Tarjih Muhammadiyah*". Divisi yang menjalankan tugas

*ijtihād* ini ialah Majlis Tarjih Muhammadiyah. *Manhāj* ini merupakan gabungan dan kutipan daripada *manhāj* yang pernah digunapakaikan oleh ulama-ulama silam. Walaupun kutipan mereka tidak terikat kepada mana-mana pendapat secara khas. Akan tetapi ianya tidak terkeluar dari pada kaedah-kaedah 'ām yang pernah berkembang pada masa silam pula, kaedah inilah yang disebut dengan *Manhāj Tarjih* Muhammadiyah.

Ada sebanyak 18 kaedah dan ketentuan yang telah ditentukan oleh Muhammadiyah bagi ahli Majlis Tarjih dalam melakukan *ijtihād jamā'iy*, dan semua itu telah pengkaji sebutkan dalam bab tiga. Dan antara prosedur yang telah digunapakaikan oleh Muhammadiyah dalam berijtihad seumpama sumber hukum utama adalah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah al-Ṣahīhah*, ber-*ijtihād* dengan sistem *ijtihād jamā'iy*, tidak mengikat diri kepada suatu mazhab, tidak beranggapan hanya keputusan Majlis Tarjih yang paling benar, koreksi dari siapapun akan diterima. Mengenai *'aqīdah*, hanya mengambil dalil-dalil yang *mutawātir*, serta tidak menolak *ijmā' ṣahābah*. Dalil-dalil yang ber-*ta'arūf* digunakan cara: *al-Jam'u wa al-Tawfiq*, kalau tidak memungkinkan, dilakukan *tarjih*. *Saddu al-dharāi'* untuk mengelakkan berlakunya *fitnah* dan *mafsadah*.

Didapati beberapa perbezaan yang signifikan antara antara *manhāj* ulama silam dan *manhāj* Muhammadiyah, semisal: sumber hukum di dalam Muhammadiyah adalah *al-Qur'an dan al-Sunnah*, manakala *Ijmā'* dan *Qiyās* merupakan metode untuk menghasilkan sebuah hukum. Manakala ulama terdahulu menyatakan sumber hukum di dalam Islam ada 4 (empat); *al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma'* dan *Qiyās*. Muhammadiyah tidak mengikat diri kepada mana-mana mazhab. Manakala ulama terdahulu ketika ber-*ijtihād*, orientasi awalnya ialah kepada mazhab. Muhammadiyah menggunakan *ijtihād jamā'iy*. Ulama silam melakukan *ijtihād* secara bersendirian. Hasil daripada putusan *tarjih* belum boleh untuk

diamalkan, kecuali selepas mendapat pengesahan (*tanfīdh*) daripada pimpinan pertubuhan Muhammadiyah.

Kaedah yang digunapakaikan oleh Muhammadiyah dalam perbincangan mengenai *manhāj tarjīh ḥadīth* sangatlah ringkas akan tetapi ianya masih tetap selari dengan *manhāj* ulama silam dalam membuat penilaian terhadap sesebuah *ḥadīth*. Walaupun demikian, Muhammadiyah dalam mengeluarkan fatwa/keputusan tidak melihat kepada kaedah tersebut sahaja, melainkan ianya tetap merujuk kepada kaedah-kaedah ulama silam yang sedia ada dan juga mengkaji pelbagai hukum secara komprehensif, samaada dari sudut kemaslahatan atau juga dari sudut kemajuan teknologi dan pelbagai hal lainnya. Meskipun demikian tidak diketepikan bahawa ada hal-hal yang diputuskan oleh Muhammadiyah yang belum sepenuhnya dihasilkan daripada aplikasi kaedah berkenaan secara sempurna.

Dua *manhāj* yang pengkaji sebut dalam kajian ini, iatu; *manhāj tarjīh ḥadīth* ulama-ulama silam dan *manhāj tarjīh ḥadīth* dalam Muhammadiyah. Kedua *manhāj* ini telah menjadi standard bagi pengkaji untuk menilai kepada fatwa-fatwa atau Hasil Putusan Tarjih Muhammadiyah. Langkah pertama yang telah dijalankan ialah penilaian dari sudut apakah ianya bersesuaian dengan *manhāj tarjīh* ulama silam atau tidak. Langkah kedua penilaian dari sudut aplikasi, selepas didapati kebersesuaiannya dengan kaedah-kaedah ulama silam dalam mereka memutuskan fatwa.

Kemudian selepas menganalisis fatwa ada beberapa kelompangan yang telah pengkaji dapatkan antaranya ialah: dalam penentuan 1 Ramadan. Dalam perbincangan ini nampak Muhammadiyah tidak merujuk kepada konsep *tarjīh*. Jika Muhammadiyah dalam hal ini mengunapakaikan konsep *tarjīh* dalam meng-*istinbāt*-kan hukum, maka sungguh akan difahami bahawa *ḥadīth mufassar* lebih *awlā* untuk diamalkan daripada *ḥadīth*

*mujmal*. Kaedah *tarjih* lain yang boleh digunapakaikan dalam perbincangan ini ialah *hadith* larangan lebih berhak untuk didahulukan daripada *hadith* perintah. Rasul SAW. melarang berpuasa pada hari shak, maka *hadith* ini lebih berhak untuk diutamakan ke atas *hadith* yang memerintahkan puasa dengan sebab *ru'yah al-hilal*. Kerana *ru'yah*-pun belum nyata wujud. Kaedah *tarjih* lanjutan dalam masalah ini ialah *hadith* yang oleh sunnah yang lain lebih utama daripada *hadith* yang tidak dikuatkan oleh sunnah. *Hadith* Ibn ‘Abbās dikuatkan oleh *hadith* daripada Ibn ‘Umar RA.

Dalam perbahasan mengenai salat tarawih; nampaknya Muhammadiyah juga tidak merujuk kepada kaedah *tarjih*. disebabkan Muhammadiyah menyatakan harus hukumnya melakukan *shalat tarawih* dengan cara dua-dua raka’at atau empat-empat raka’at. Muhammadiyah tidak menguatkan yang mana satu lebih tepat untuk diamalkan. Manakala kaedah *tarjih* menyebutkan bahawa *hadith qauliy* lebih berhak diikuti daripada *hadith fi’liy*. Sebab ianya lebih *sarāhah* kepada *dalālah*. Demikian pula jawapan Ibn ‘Umar RA. ketika menjawab pertanyaan ‘Uqbah tentang *ma’nā mathnā-mathnā*, beliau menyatakan bahawa engkau salam pada setiap dua raka’at. Ibn ‘Umar dalam kes ini ialah orang yang langsung meriwayatkan *hadith*. Maka jawabannya lebih berhak untuk diamalkan. Kaedah *tarjih* berikutnya yang boleh diaplikasikan ialah *hadith* daripada Ibn ‘Umar dikuatkan oleh sunnah Rasul SAW. lain, yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud, iaitu *hadith* yang menyatakan bahawa Rasul SAW. melakukan salam setiap dua raka’at salat.

Muhammadiyah dalam masalah *interest bank* juga didapati kelompangan. Antaranya Muhammadiyah menyebutkan bahawa pengharaman *interest bank* belum mencapai sesuatu yang meyakinkan. Pernyataan ini nampaknya Muhammadiyah lebih memilih kepada *tawaqquf* dalam membuat keputusan. Manakala *tawaqquf* itu sendiri ada had masa, iaitu sampai bila Muhammadiyah ber-*tawaqquf*. Jikalau ditilik kepada kaedah

*tarjih*-pun Muhammadiyah nampak mengabaikannya. Sebab Muhammadiyah lebih mengamalkan *hadīth* yang menyatakan bahawa Rasul SAW. pernah berhutang kepada seseorang dan membayar dengan melebihkannya. Penjelasan nya ialah; *pertama*, *hadīth* ini ialah *hadīth gharīb*, *kedua*, melebihi pembayaran yang dilakukan oleh Rasul SAW. ialah sesuatu yang tidak disyaratkan pada awal transaksi, *ketiga*, Bank Islam sekarang sudah ada tetapi Muhammadiyah masih belum memberikan keputusan pasti yang menyatakan bahawa *interest bank* konvensional ialah haram.

Dalam masalah *insurance* yang menjadi fokus kajian ialah *insurance konvensional*. Dan *insurance* inilah yang dikatakan oleh Muhammadiyah *Mubāh*. Merujuk kepada kaedah *tarjih*, jika berlaku *ta'arud* antara *hadīth* yang mengharuskan dan yang mengharamkan, maka *hadīth* yang mengharamkan itu lebih berhak untuk didahulukan.

Muhammadiyah dalam masalah rancang keluarga lebih mengutamakan pandangan untuk kesejahteraan anak dan juga masa hadapan mereka yang perlu diambil berat oleh orang tua. Dalam kritik *tarjih hadīth* ini dapat dijelaskan bahawa; *pertama*, *hadīth* yang mengatakan kefakiran itu lebih dekat kepada kekufuran ialah *hadīth da'if*, maka *hadīth sahih* lebih patut untuk dijadikan dalil, *kedua*, *hadīth* tentang tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh dimudaratkan ianya ialah *hadīth mursal* dan tentu *hadīth sahih* lebih berhak didahulukan daripada *hadīth mursal*, dalam kaedah yang telah diterbitkan oleh Muhammadiyah juga dinyatakan bahawa *hadīth Mursal* tidak dapat dijadikan *hujjah*. Maka jika Muhammadiyah tetap berpegang kepada *hadīth* ini bererti ianya akan meninggalkan dua kaedah *tarjih*, iaitu kaedah *tarjih* ulama silam dan juga kaedah *tarjih* Muhammadiyah sendiri.

Dan yang fatwa terakhir ialah derma organ, dalam hal ini juga didapati bahawa Muhammadiyah lebih melihat kepada kemaslahatan daripada kembali merujuk kepada teks *ḥadīth* dan kaedah *tarjīh*. sepertimna *naṣ* daripada Rasul SAW. melarang seseorang untuk memecahkan tulang orang mati, maka demikian pula halnya dengan organ tubuh yang lainnya. Dari sudut pen-*tarjīh*-an terdapat kaedah bahawa jika berlaku *ta'āruḍ* antara dua *ḥadīth*, satu mengatakan harus dan yang lain mengatakan haram, maka *ḥadīth* yang mengatakan haram lebih utama untuk didahulukan, kerana *dalālah* daripada sebuah perintah itu ialah untuk mencapai *maslahah* manaka *dalālah* daripada sebuah larangan itu ialah untuk menolak kemudaratan.

## 5.2. Cadangan dan Saranan

Melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji menggarapkan beberapa cadangan dan saranan untuk tindakan semua pihak agar kelangsungan kajian khususnya dalam bidang *manhāj tarjīh* dapat diteruskan lagi. Cadangan dan saranan tersebut ialah seperti berikut:

### 5.2.1. Saranan Kepada Pihak Jabatan Fiqh dan Usul

Pengkaji mencadangkan kepada pihak Jabatan Fiqh dan Usul agar menjadikan kajian ini suatu rujukan bagi membuat kajian lanjutan yang lebih mendalam tentang aplikasi *manhāj tarjīh* oleh Muhammadiyah di Indonesia. Kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan khususnya untuk mengenalpasti kaedah *tarjīh* yang telah diterbitkan oleh

Muhammadiyah dan sejauhmana pula aplikasi yang telah diterapkan dalam mengeluarkan fatwa. Kerana terkadang ada sebahagian fatwa yang telah dikeluarkan belum sepenuhnya selari dengan kaedah yang sediada. Mengingat Muhammadiyah adalah suatu pertubuhan besar di Indonesia dan telah cuba untuk memberikan banyak sumbangan terhadap khazanah keilmuan Islam.

#### 5.2.2. Saranan Kepada Pihak Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Kepada pihak Akademi Pengajian Islam, pengkaji menyarankan agar disediakan suatu peruntukan khas atau dana khusus dalam bentuk kewangan bagi pelaksanaan kajian dimaksud. Diharapkan juga pihak akademi berusaha untuk menggalakkan pelbagai pihak khusus di akademi meneruskan kajian dan penyelidikan yang dapat memberi input besar kepada masyarakat. Antara kelangsungan kajian dan penyelidikan yang sesuai dijalankan selepas daripada ini adalah seperti menjalankan analisis perbandingan antara *manhāj tarjīh* ulama silam dan *manhāj tarjīh* Muhammadiyah yang sempurna, kajian untuk menilai keberkesanan kaedah dan aplikasinya bagi Muhammadiyah yang boleh didapati dalam fatwa-fatwa selain yang telah pengkaji sebutkan. Serta kajian kaedah *tarjīh* yang dapat membentuk satu garis panduan bagi Muhammadiyah yang benar-benar berlandaskan *manhāj tarjīh* yang sebenar.

#### 5.2.3. Saranan Kepada Pihak Kerajaan

Manakala kepada pihak kerajaan atau pihak yang berwajib, pengkaji menyarankan agar dikuatkuasakan satu undang-undang bagi membentuk kerjasama antara pihak

pemerintah Indonesia (Kementerian Agama atau Majelis Ulama Indonesia) dengan Muhammadiyah dan juga pertubuhan-pertubuhan Islam yang lain di Indonesia untuk dapat menentukan kebenaran satu-satu fatwa yang diputuskan atau untuk memberikan jawapan yang sebenar bagi permasalahan yang timbul di kalangan masyarakat, hal itu supaya tidak ada kesalahpahaman dalam memahami Islam dan mengamalkan Islam. Oleh itu, perlu dibentuk satu garis panduan yang khusus yang dapat menjadi panduan dalam menentukan fatwa-fatwa yang bersesuaian dengan kaedah yang sediaada.

#### 5.2.4. Saranan Kepada Muhammadiyah dan Ahli Muhammadiyah

Bagi ahli Muhammadiyah, pengkaji menyarankan agar mereka menilai dan meneliti kembali kaedah *tarjih* yang dijalankan dalam membuat sesuatu putusan *tarjih* ataupun fatwa. Hal ini kerana, didapati bahwa ada beberapa putusan *tarjih* yang bercanggah dengan kaedah yang sediaada. Sewajarnya kepada Muhammadiyah juga mengenalpasti kaedah *tarjih* secara menyeluruh dan kemudian mengaplikasikannya dalam membuat putusan *tarjih*. Semua asas berkenaan dapat dibincangkan dalam muktamar yang dijalankan oleh Muhammadiyah. cara lain yang boleh didapati oleh Muhammadiyah ialah dengan merujuk kepada kitab-kitab usul fiqh, kitab-kitab *hadith* dan juga fatwa-fatwa ulama Islam lainnya.

#### 5.2.5. Saranan Kepada Individu

Pengkaji turut mencadangkan kepada individu yang berminat dalam menjalankan kajian untuk meneruskan kajian ini khususnya berkaitan dengan Muhammadiyah. Antara tajuk-tajuk kajian yang sesuai adalah seperti:



1. Kajian tentang keberkesanan Himpunan Putusan Tarjih dan dalil-dalinya, terhadap ilmu usul fiqh.
2. Kajian perbandingan antara Muhammadiyah dan Nadhatul Ulama dalam menentukan fatwa.
3. Dan kajian-kajian lain yang dianggap signifikan.

#### 5.2.6. Saranan kepada semua pihak

Pengkaji juga menyarankan kepada semua pihak khusus kepada seluruh anggota masyarakat agar mendalami kembali semua fatwa-fatwa yang telah berkembang di kalangan masyarakat dan mempelajarinya apakah ianya bersesuaian dengan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, dan selepas daripada itu apakah ianya bersesuaian dengan ilmu-ilmu Islam yang telah diasaskan oleh ulama-ulama terdahulu. Dan pengkaji juga menyarankan kepada semua pihak untuk mengelakkan daripada mengamalkan segala keputusan dengan cara *taqlīd* dan tidak mempunyai sebarang dalil apapun. Kerana pekerjaan yang demikian akan membawa umat semakin jauh daripada memahami agama secara sempurna.

Dari itu pengkaji meletakkan harapan agar kajian ini dapat dimanfaatkan bersama khususnya dalam membentuk satu garis panduan dalam bidang pen-*tarjih*-an yang dapat digunapakaikan dan menjadi rujukan untuk umat Islam di Indonesia khususnya dan di seluruh dunia secara amnya. Pengkaji berharap agar pemikiran-pemikiran yang diberikan di atas akan menjadi sebuah khazanah keilmuan Islam. Dan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam, khususnya dari sudut pen-*tarjih*-an hukum oleh Muhammadiyah.

Dan daripada kajian ini pula pengkaji berharap ianya memberikan manfaat pada suatu hari yang ketika itu tidak akan bermanfaat lagi harta dan juga anak-anak kecuali amal saleh yang diredai oleh Allah. Akhirnya pengkaji mengucapkan Alhamdulillah atas selesainya kajian ini, dan mudah-mudahan mendapat keridaan daripada Allah SWT.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Qur'an

Lajnah Taṣḥīḥ. *Al-Qur'an al-Karīm*. Medinah Munawwarah P.O.BOX 6262 Kingdom of Saudi Arabia: Mujamma' al-Mālik Fahd li al-Ṭiba'at al-Muṣḥaf al-Sharīf, 1423H.

### Kitab-kitab Tafsir

Al-Qurṭubiy, Abu 'Abdillah. *Tafsir al-Qurṭubi, al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*. Jilid ke-1. Kaherah, Egypt: Dār Al-kutub al-Miṣriyyah, 1967.

Ibnu Kathīr. *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm li Ibnu Kathīr*. Jilid ke-1. Riyāḍ, KSA: Dār al-Salām, 2004.

### Kitab-kitab Hadith

Abu 'Abd al-Raḥman Abādi. *'Aun al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dāud*". Jilid ke-2. t.t.p. Dār Al-Fikr.

Abū Dāwud. *Sunan Abiy Dāwud*. Jilid ke-5, Damshiq, Syria: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah, 2009.

Al-'Asqalāniy, Ibn Ḥajar. *Fath al-Bāriy Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Jilid ke-4. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.

Al-Qāḍiy 'Iyād. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-qāḍiy 'Iyād al-Musammā Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*. Jilid ke-3. Beirut, Lubnān: Dār Al-Wafā', 2004.

Al-Turmudhiy, Abu 'Īsa. *Sunan al-Turmudhiy*. Jilid ke-2. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr, 1994.

Dr. 'Abd al-Qādir 'Abd al-Khair, Dr. sayyid Muhammad Sayyid, Prof. Sayyid Ibrāhīm (Tim Sharḥ dan Taḥqīq). *Sunan Abiy Dāwud*. Jilid ke-2, Kaherah: Dār Al-Ḥadīth, 1999.

Ibn Balbān. *Ṣaḥīḥ Ibnu Ḥibbān bi tartīb Ibni Balbān*. Jilid ke-7, Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risālah, 1993.

Imam al-Ḥākim al-Naisābūriy. *al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīhain*. Jilid ke-2. Beirut, Lubnan: Dār al-Ma'rifah, 2006.

Imam al-Suyuṭiy. *Jāmi' al-Aḥādith; al-Jāmi' al-Ṣaghīr wa Zawā'iduhu wa al-Jāmi' al-Kabīr*". Beirut, Lubnan: Dār Al-Fikr, 1994.

Imam Jalāl al-dīn al-Suyūṭiy. *Sharḥ Sunan al-Nasā'iy*. Jilid ke-1. Beirut, Lubnan: Dār Al-Fikr, 1995.

Imam Mālik bin Anas, *al-Muwattā'*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2001.

Muhammad ‘Abd al-Ra’ūf al-Manāwiy, *Faiḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr min Aḥādīth al-Bashīr al-Nadhīr*. Jilid ke-6. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1994.

Shaikh Ismail bin Muhammad al-‘Ajlūniy al-Jarāḥiy. *Kashf al-Khaḥfa’ wa Muzīl al-Ilbās; ‘ammā ishtahara min al-aḥādīth ‘ala alsinat al-nās*. Jilid ke-2. Beirut, Lubnan: Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2006.

### **Kitab-kitab Arab**

‘Abd Allah bin ‘Abd al-Raḥman al-Bassām. *Tauḍīḥ al-Aḥkām min Bulūgh al-Marām*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Āthār, 2009.

Abū ‘Umar al-Shahrazauri. *Muqaddimah Ibn Ṣalāḥ fīy ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damshiq, Suria: Dār al-Fikr, 1986.

‘Aliy Ḥasb Allah. *Uṣūl al-Tashrī’ al-Islāmiy*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif, 1964.

Al-‘Asqalāniy. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Kingdom of Saudi Arabia: Dār al-‘Āṣimah, t.t.

Al-Barzanjiy, ‘Abd al-laṭīf ‘Abd Allah ‘Azīz. *al-Ta’āruḍ wa al-Tarjīḥ Baina al-Adillah al-Shar’iyah: Baḥth Uṣuli Muqaran bi al-Mazahib al-Islamiyah al-Mukhtalafah*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1993.

Al-Ghazāliy. *al-Mustasfā min ‘Ilmi al-Uṣūl*. Jilid ke-1. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risālah, 1997.

Al-Ṣan’āniy. *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām fīy Adillat al-aḥkām*. Jilid ke-1. Beirut, Lubnan: Dār Maktabah al-Ḥayāh, 1989.

Al-Shaukāniy. *Irsyad al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaqq min ‘Ilmi al-Uṣūl*. Lubnan: Dār al-Fikr, t.t.

\_\_\_\_\_. *Nail al-Auṭār Min Asrār Muntaqa al-Akḥbār*. Jilid ke-1. Riyāz, KSA: Dār Ibn al-Qayyim, 2005.

Al-Zahabiyy, Abu ‘Abdillah Shams al-Dīn. *Tazkirat al-Huffāz*. Jilid ke-1. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.

Dr. Faḥiy al-Darīniy. *al-Manāḥij al-Uṣūliyyah fīy al-Ijtihād bi al-Ra’yi fīy al-Tashrī’ al-Islāmy*”, Damshiq: Dār al-kitāb al-Ḥadīth, 1975.

Dr. Ḥusain bin ‘Ali al-Ḥarbiy. *Mukhtaṣar Qawa’id al-Tarjīḥ ‘Inda al-Mufasssirīn*. Kingdom of Saudi Arabia: Dār Ibn al-Jawziy, 2008.

Dr. Ibrāhīm Anis, Dr. ‘Abd al-Ḥalīm Muntaṣir, ‘Aṭiyah al-Shawalihi, Muhammad Khalaf Allah Aḥmad. *Al-Mu’jam Al-Wasīf*. Kaherah: t.p, 1972.

Dr. Nādiyah Sharīf al-‘Umriy. *al-Ijtihād fīy al-Islām; Uṣūluḥu, Aḥkāmuhū, Āfāquḥu*”, Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2001.

- DR. Nafīz Ḥusain Ḥammād. *Mukhtalaf al-Ḥadīth Baina al-Fuqahā' wa al-Muḥaddithīn*, Damsyiq, Syiria: Dār al-Nawādīr, 2009.
- Dr. Quṭub Mustāfā Sanu. *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'āṣir, 2000.
- Dr. Ṣaliḥ Fauzān bin 'Abd Allah Fauzān. *al-Mulakkhaṣ al-Fiqhiy*. Riyāz: Idārat al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta', 1423H.
- Dr. Wahbah al-Zuhailiy. *Fiqh al-Islāmiy wa Adillatuhu*. Damsyiq, Suria: Dār al-Fikr, 1989.
- Dr. Yūsuf al-Qarḍāwiy. *Awlawiyyat al-Harakah al-Islāmiyyah fiy al-Marḥalah al-Qadīmah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990.
- \_\_\_\_\_. *Fiqh al-Zakāh*. Jilid ke-1. Doha, Qatar: Dār al-Ma'rifah, 1969.
- Ḥusain Ḥamīd Ḥisān. *Ḥukmu al-Sharī'ah al-Islāmiyyah fiy 'Uqūd al-Ta'mīn*. Kaherah. Dār al-I'tiṣām.
- Ibn al-Ḥājiḥ al-Mālikiy. *Sharḥ Mukhtashar al-Muntahā al-Uṣūliy*. Jilid ke-3. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al'Ilmiyyah, 2004.
- Ibn al-Mulaqqin. *al-Badr al-Munīr fiy Takhrīj Ahādīth al-Sharḥ al-Kabīr*. Jilid ke-17. Riyād: Dār al-'Āṣimah, 2009.
- Ibn Qudāmah. *al-Mughniy wa Sharḥ al-Kabīr*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Ibn Rushd. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Jilid ke-1. Beirut, Lubnan: Dār al-Jail, 1989.
- Ibrāhīm Muṣṭafā, Aḥmad Ḥasan Ziyat, Ḥamīd 'Abd al-Qadīr, Muhammad 'Ali al-Najjār, *al-Mu'jam al-Wasīf*. Turki: Al-Maktabah Al-Islamiyyah, 1960.
- Maḥmūd Shaltūt. *al-Islam 'Aqidah wa al-Sharī'ah*. Kaherah: Dār al-Qalam, 1996.
- 'Umar 'Ubaid Ḥasanah. *Muraja'at fiy al-Fikr wa al-Da'wah wa al-Harakah*. Brentwood, Meryland 20722 U.S.A: International Graphics Printing Services, 1991.
- Maj al-dīn Abiy al-Barakat 'Abd al-Salām bin Taimiyah al-Harani. *al-Muntaqā Fiy al-Aḥkām al-Shar'iyyah min Kalām Khair al-Bariyyah*, Kingdom of Saudi Arabia: Dār Ibn al-Jauzi, 2007.
- Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭiy. *Tahdīd al-Nasl*. Damaskus: Maktabah al-Farābiy, 1979.
- Prof. Dr. Ḥamad bin nāṣir bin 'Abd al-Raḥman al-'Ammār. *Kunūz Riyād al-Ṣāliḥīn*. Kingdom Of Saudi Arabia: Dār Kunūz Ishbiliya, 2009.
- Shaikh al-Islām, Ahamd Ibn Taimiyah. *Majmū' Fatāwā*. Jilid ke-25. Beirut, Lubnān: Muassasah al-Risālah, 1997.
- \_\_\_\_\_. *Majmū' Fatāwā*. Jilid ke-24. Kingdom of Saudi Arabia: Mujamma' al-Mālik Fahd li ṭiba'at al-Muṣḥaf al-Sharīf, 1995.

Shaikh Muhammad bin **Ṣāliḥ** al-‘Uthaimīn. *Majmū’ Fatāwā wa Rasā’il Faḍīlat al- Shaikh Muhammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaimīn*. Jilid ke-17. Kingdom of Saudi Arabia: Dār al-Ṭurayya, 2005.

Shaikh **Ṣalāḥ** Muhammad Muhammad ‘Uwayḍah. *Fath al-Mughīth: Sharḥ Alfīyyah al-Ḥadīth*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.

Taqiyuddin Ibn Daqīq al-‘Aidi. *Iḥkām al-Aḥkām Sharḥ ‘Umdat al-Aḥkām*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 1994.

### **Buku-buku Melayu/Indonesia**

Abdul Azis Dahlan. *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 2006.

Abdul Mālīk Kamāl bin Al-Sayyid Salīm. *Sahih Fikih Sunnah; Ṣaḥīḥ Fiqh al-Sunnah wa Adillatuhu wa Taudhīḥ Mazāhib al-A’immah*, Jilid ke-2. Terj. Besus Hidayat Amin. Jakarta: Pustaka Azzam, 2006.

‘Afif ‘Abd Allah Fattāḥ Ṭaharah. *Dosa Dalam Pandangan Islam; al-Khaṭā’ya fīy Naẓar al-Islāmiy*, terj. Bahrun Abubakar, Anwar Rashidi. Bandung: Risalah, 1948.

Agus Purwito. *Muhammadiyah Dalam Kritik Dan Komentar: Majlis Tarjih Dalam sorotan*. t.t.p.: Radar Jaya Offset. 1986.

Ahmad Farhan. *Refleksi Satu Abad Muhammadiyah: Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah-Sebuah Analisis Deskriptif*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset, 2010.

Ahmad Syafi’i Maarif. *Islam Dan Masalah Kenegaraan*. Jakarta: Lembaga Penelitian Pendidikan Penerangan Ekonomi dan Sosial, 1987.

Ali Munhanif. *Menteri-Menteri Agama RI: Biografi Sosial Politik*. Jakarta: Indonesian Netherlands Cooperation in Islamic Studies-Pusat Pengkajian Islam Masyarakat-Balitbang Departemen Agama RI, 1998.

A. Syafi’i Ma’arif. *Peta Bumi Intelektualisme Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, 1993.

Didin Syafruddin. *Menteri-Menteri Agama RI: Biografi Sosial Polotik*. Jakarta: Indonesian-Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS), Pusat Pengkajian Islam dan Masyarakat (PPIM), Badan Litbang Agama Departemen Agama RI, 1998.

Din Syamsuddin. *Suara Amien Rais Suara Rakyat*. Jakarta: Gema Insani Press, 1999.

Dr. H. Fathurrahman Djamil, MA. *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*. Jakarta: Logos Publishing House, 1995.

Dr. Muhammad Wafaa. *Metode Tarjih atas kontradiksi Dalil-dalil Syara’: Ta’arūḍ al-Adillah al-Shar’iyyah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Tarjīḥ Bainahā*, terj. Muslich, S.Ag. Jakarta Timur: Penerbit Al-Izzah, 2001.

- Dr. Mukhtar Yahya, Prof. Drs. Fatchur Rahman. *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami*. Bandung: PT. Al-Ma'arif, 1986.
- Dr. M. Quraish Shihab, M.A. *Wawasan Al-Qur'an*. Bandung: Mizan, 1998.
- Dr. Nur al-dīn 'Itr. *Manhāj al-Naqd fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Jilid ke-2. terj, Drs. Mujiyo, Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 1994.
- Dr. Yusuf al-Qaradawi. *Karakteristik Islam; Kajian Analitik*. Surabaya, Indonesia: Risalah Gusti, 2001.
- Drs. H. Mustafa Kamal Pasha, B.Ed, Ahmad Adaby Darban, SU. *Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam; Dalam Perspektif Historis Dan Ideologis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset, 2000.
- Drs. Shalahuddin Hamid, MA – Drs. Iskandar Ahza, MA. *Seratus Tokoh Islam Paling Berpengaruh Di Indonesia*. Jakarta: PT Intimedia Cipta Nusantara, 2003.
- Firdaus Syam, MA. *Amien Rais Politisi yang Merakyat & intelektual yang Shaleh*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2003.
- Herry Muhammad dkk. *Tokoh-Tokoh Islam yang Berpengaruh Abad 20*. Jakarta: Gema Insani Press, 2006.
- H. A. Mukti Ali. *Memahami Beberapa aspek Ajaran Islam*. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, 1991.
- HM. Syamlan. *Refleksi Satu Abad Muhammadiyah (Muhammadiyah: Gerakan Tajdid Saatnya Ditajdid)*, Yogyakarta, Pustaka Pelajar Offset. 2010.
- Ir. Muhammad Syakir Sula, AAIJ, FIIS. *Asuransi Syariah (Life and General): Konsep dan Sistem Operasional*. Jakarta: Gema Insani Prees, 2004.
- Majlis Tarjih dan Tajdid et al. PP. Muhammadiyah, *Fatwa-fatwa Tarjih: Tanya Jawab Agama*, Yogyakarta, Indonesia: Surya Sarana Grafika, 2011.
- Mashfuq Zuhdi. *Masā'il Fiqhiyah; Kapita Selektā Hukum Islam*. Jakarta: CV. Haji Masagung, 1989.
- Mohamad Kamil Abd Majid. *Tajdid Perspektif Sejarah dan Semasa*. 50603 Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000.
- Mu'ammal Hamidy, Lc. *Perkembangan Pemikiran keislaman Muhammadiyah: Purifikasi & Dinamisasi (Manhaj Tarjih dan Perkembangan Pemikiran Keislaman dalam Muhammadiyah)*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar offset, 2000.
- Murad Wilfried Hofmann. *Bangkitnya Agama Ber-Islam di Alaf Baru*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2000.
- Muhaimin Iqbal. *Asuransi Umum Syariah Dalam Praktik: Upaya Menghilangkan Gharār, Maisīr dan Riba*. Jakarta: Gema Insani Press, 2006.

- Muhammad Syafi'i Antonio. *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik*. Jakarta: Gema Insani Press, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Asuransi Dalam perspektif Islam*. Jakarta: STI, 1994.
- M. Syuhudi Ismail. *Metodologi Penelitian Hadis Nabi*. Jakarta: Bulan Bintang, 1992.
- Penyusun et al. *Ensiklopedi Muhammadiyah. Ensiklopedi Muhammadiyah*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2005.
- Penyusun et al. *Profil 1 Abad Muhammadiyah*. Yogyakarta: Pimpinan Pusat Muhammadiyah, 2010.
- PP. Muhammadiyah. *Berita Resmi Muhammadiyah Nomor Khusus; Tanfiz Keputusan Mukhtamar Tarjih Muhammadiyah XXII*. t.t.p.: t.p., 1990.
- \_\_\_\_\_. *Buku Panduan Mukhtamar Tarjih Muhammadiyah XXII*, Malang: tp., 1989.
- \_\_\_\_\_. *Himpunan Putusan Tarjih*. Yogyakarta, Indonesia: Suara Muhammadiyah, 2011.
- \_\_\_\_\_. *Membina Keluarga Sejahtera*. Yogyakarta: PT. Persatuan, t.t.
- Prof. Dr. Azyumardi Azra, M.A, dkk. *Ensiklopedi Islam*. Jilid ke-6. Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005.
- Prof. Dr. H. A. Mukti Ali. *Beberapa Persoalan Agama Dewasa ini*. Jakarta: Rajawali Pers, 1981.
- \_\_\_\_\_. *Ijtihad dalam pandangan Muhammad Abduh, Ahmad Dahlan dan Muhammad Iqbal*, cet. ke-1, Jakarta: Bulan Bintang, 1990.
- Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman. *Manhaj Tarjih Muhammadiyah: Metodologi Dan Aplikasi*. Yogyakarta: Pustaka pelajar Offset, 2010.
- Shaikh al-Islam Ibn Taimiyah *Fatwa-fatwa Ibnu Taimiyah: Fatāwā Ibn Taimiyah*, terj. Izzudin Karimi, Lc. Jakarta: Pustaka Sahifa, 2008.
- Shaikh Dr. Said Abdul Azim. *Ibnu Taimiyah; Pembaruan Salafi & dakwah reformasi*. Jakarta: Pustaka Al-kautsar, 2005.
- Shaikh Manna' al-Qaṭṭān, *Pengantar Studi Ilmu Hadith; Mabāḥith fiy 'Ulūm al-Ḥadīth*, terj. Mifdhol Abdurrahman, Lc. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2006.
- Siswanto Masruri. *Ki Bagus Hadikusuma; Etika dan Regenerasi Kepemimpinan*. Yogyakarta: Pilar Religia, 2005.
- Zaenal Ali. *100 Orang Indonesia Paling Berpengaruh*. Yogyakarta: Penerbit Narasi, 2008.



## Tesis Dan Disertasi

- AF. Wibisono. "Pola Istinbāṭh Dalam Muhammadiyah; Studi Tentang Penerapan Penalaran Ta'liiy Dalam Masalah-masalah Kontemporer." Disertasi Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, Darussalam Banda Aceh. 1997.
- Dalail Ahmad. "Orientasi Majelis Tarjih Muhammadiyah Dalam Mengistinbāṭkan Hukum." Disertasi Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, Darussalam Banda Aceh. 1994.
- Iqbal Muhammad. "Corak Pemikiran Islam Ahmad Azhar Basyir." Disertasi Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh. 2004
- Muzlifah. "Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia." Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Pondra Nasrullah. "Kepahaman Terhadap Sunnah Tashri'iyah dan Ghayr al-Tashri'iyah Dan Kesannya Terhadap Amalan Keagamaan Dalam Kalangan Ahli Nahdhatul Ulama Dan Muhammadiyah Di Provinsi Lampung Indonesia." Disertasi Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.
- Rawiyah Bt. Hj. Md Junoh. "Manhāj Imam al-Ash'ariy Tentang Sifat Allah SWT; Suatu Kajian Terhadap Kitab al-Ibānah 'an 'Uṣūl al-Diyānah." Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000.
- Rohaizan Baru. "Ḥadīth-ḥadīth Mukhtalaf Dan Pendedahannya Di kalangan Ilmuan Islam Di Kuala Terengganu." Tesis al-Qur'an dan al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Sulidar. "Ketokohan T. M. Hasbi Ash-Shiddieqy Dan Sumbangan Pemikirannya Dalam Pengajian Ḥadīth Riwāyah Dan Dirāyah Di Indonesia." Tesis al-Qur'an dan al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.

## Laman Web

- Sejarah, Pengurus Besar Nahdhatul Ulama,  
<http://www.nu.or.id/page/id/static/9/Sejarah.html>, 12 Marc 2012.
- Yunahar Ilyas, Muhammadiyah beza dengan Wahabi,  
<http://www.muhammadiyah.or.id/id/news-738-detail-yunahar-ilyas-muhammadiyah-beda-dengan-wahabi.html>, 12 September 2012.
- Muhammad Rofiq, <http://www.muhammadiyah.or.id/id/news-106-detail-peran-dan-tantangan-majelis-tarjih-dan-tajdid-muhammadiyah-di-era-globalisasi.html>, 8 November 2012.
- Program Kerja, <http://tarjih.muhammadiyah.or.id/content-8-sdet-program-kerja.html>, 8 November 2012.

Sejarah – Majlis Tarjih dan Tajdid (Muhammadiyah),  
<http://tarjih.muhammadiyah.or.id/content-3-sdet-sejarah.html>, 20 September 2012.

### **Temubual**

Prof. Dr. H. Al-Yasa' Abubakar, MA. Ketua Muhammadiyah Provinsi Aceh dan ahli Majlis Tarjih Muhammadiyah Indonesia pada tarikh 3 September 2013 di IAIN Ar-Raniry Banda Aceh Indonesia.

Muharrir Asy'ariy, Lc. ahli Majlis Tarjih Muhammadiyah Indonesia pada tarikh 3 September 2013 dan Rektor Universiti Muhammadiyah di Universiti Muhammadiyah Provinsi Aceh Indonesia.

Drs. Muhammad Ali, Bekas Ketua Muhammadiyah Daerah Bireuen pada tarikh 5 September 2013 di rumahnya Kampung Lapang timu, Geurugok, Bireuen, Aceh, Indonesia.

Amiruddin, salah satu ahli Majlis Tarjih Muhammadiyah Pusat Yogyakarta. pada tarikh 28 Ogos 2013 di Pejabat Muhammadiyah Pusat, Yogyakarta, Indonesia.

Mulyadi M. Saleh Kerani Am Muhammadiyah Daerah Bireuen dan juga masyarakat yang terlibat langsung dalam pertubuhan Muhammadiyah, pada tarikh 25 Ogos 2013 di Pejabat Muhammadiyah Daerah Bireuen, Aceh, Indonesia.

## Lampiran I

### KAEDAH TARJIH

(SK. PP. Muhammadiyah Nomor: 5/PP/1971)

#### Pasal 1:

Lajhan Tarjih adalah Lembaga Persyarikatan dalam bidang Agama

#### Pasal 2:

Lajnah Tarjih bertugas:

1. Menyelidiki dan memahami ilmu agama Islam untuk memperoleh kemurniannya.
2. Menyusun tuntunan Aqidah, Akhlak, Ibadah dan Mu'amalah dunyawiyah.
3. Memberikan fatwa dan Nasehat, baik atas permintaan maupun Tarjih sendiri memandang perlu.
4. Menyalurkan perbedaan pendapat/faham dalam bidang keagamaan ke arah yang lebih maslahat.
5. Mempertinggi mutu Ulama.
6. Hal-hal lain dalam bidang keagamaan yang diserahkan oleh Pimpinan Persyarikatan.

#### Pasal 3:

1. Lajnah Tarjih dibentuk di tingkat Pusat, Wilayah dan Daerah oleh Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat, dengan sebutan:
  - a. Lajnah Tarjih Pusat.
  - b. Lajnah Tarjih Wilayah.
  - c. Lajnah Tarjih Daerah.
2. Ketarjihan pada tingkat Cabang dan Ranting diurus oleh Lajnah Tarjih Daerah yang bersangkutan.

#### Pasal 4:

1. Anggota Lajnah Tarjih ialah Ulama (Laki-laki/Perempuan) Anggota persyarikatan yang mempunyai kemampuan ber-Tarjih.
2. Anggota Lajnah Tarjih diangkat dan ditetapkan oleh Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan.
  - a. Anggota Lajnah Tarjih Pusat diusulkan oleh Pimpinan Muhammadiyah Wilayah. Masing-masing Wilayah mengusulkan sekurang-kurangnya 2 (dua) dan sebanyak-banyaknya 10 (sepuluh) orang dari calon hasil Musyawarah Tarjih Wilayah.

- b. Anggota Lajnah Tarjih Wilayah sekurang-kurangnya 10 (sepuluh) orang diusulkan oleh Pimpinan Muhammadiyah Daerah dari antara calon-calon hasil Musyawarah Lajnah Tarjih Daerah.
- c. Anggota Lajnah Tarjih Daerah sekurang-kurangnya 10 (sepuluh) orang diusulkan oleh Pimpinan Muhammadiyah Cabang dari Ulama-ulama di Cabang yang bersangkutan.
3. Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat berhak menambah anggota Tarjih tingkat masing-masing apabila dianggap perlu.
4. Anggota Tarjih berhenti karena:
  - a. Meninggal dunia.
  - b. Permintaan sendiri.
  - c. Keputusan Pimpinan Persyarikatan.
5. Pengisian lowongan anggota Tarjih dilakukan oleh Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.

Pasal 5:

1. Pimpinan Lajnah Tarjih:
  - a. Majelis Tarjih Pusat memimpin Lajnah Tarjih Pusat, terdiri dari sekurang-kurang 9 (sembilan) orang.
  - b. Majelis Tarjih Wilayah memimpin Lajnah Tarjih wilayah, terdiri dari sekurang-kurang 7 (tujuh) orang.
  - c. Majelis Tarjih Daerah memimpin Lajnah Tarjih Daerah, terdiri dari sekurang-kurang 5 (lima) orang. Yang masing-masing diangkat dan ditetapkan oleh Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan dari antara calon-calon yang diusulkan oleh Lajnah Tarjih tingkat yang bersangkutan.
2. Apabila dipandang perlu, anggota persyarikatan dapat diangkat sebagai anggota Majelis Tarjih.
3. Pengisian lowongan dan penambahan anggota Majelis Tarjih dilakukan oleh Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.
4. Majelis Tarjih berhenti bersama-sama dengan habisnya masa jabatan Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.
5. Majelis Tarjih melakukan tugas Lajnah Tarjih sehari-hari dalam membantu Pimpinan Persyarikatan.
6. Ketua Majelis Tarjih atau anggota Majelis Tarjih yang diberi kuasa olehnya wajib menghadiri siding-sidang/rapat-rapat Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.
7. Setiap akhir tahun Majelis Tarjih membuat laporan tentang kegiatannya dan hasil kerja yang disampaikan kepada:
  - a. Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.
  - b. Majelis Tarjih tingkat atasnya.

Pasal 6:

1. Musyawarah Majlis Tarjih sesuai dengan tingkatannya ditetapkan sebagai berikut:
  - a. Mukhtamar; yaitu permusyawaratan Lajnah Tarjih tingkat Pusat, diselenggarakan sekuarng-kurangnya 3 (tiga) sekali.
  - b. Musyawarah Wilayah; yaitu permusyawaratan Lajnah Tarjih tingkat Wilayah, diselenggarakan sekuarng-kurangnya setahun sekali.
  - c. Musyawarah Daerah; yaitu permusyawaratan Lajnah Tarjih tingkat Daerah, diselenggarakan sekuarng-kurangnya setahun sekali.
2. Musyawarah Lajnah Tarjih diselenggarakan dengan persetujuan Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.
3. Musyawarah Lajnah Tarjih dihadiri oleh:
  - a. Anggota Musyawarah, yaitu:
    - Para anggota Lajnah tarjih yang bersangkutan.
    - Anggota pengurus Majlis Tarjih.
  - b. Mereka yang dipandang perlu oleh Majlis Tarjih dengan persetujuan Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan.
4. Musyawarah Lajnah Tarjih dipimpin oleh Majlis Tarjih yang bersangkutan.

Pasal 7:

1. Keputusan-keputusan Musyawarah selambat-lambatnya sebulan sesudah selesainya musyawarah, oleh Majlis Tarjih disampaikan kepada Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan dan Majlis Tarjih tingkat atasnya.
2. Keputusan musyawarah tersebut baru berlaku setelah ditanfizkan oleh Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan.
3. Apabila dalam waktu sebulan sesudah keputusan-keputusan tersebut diserahkan belum ada tanfiz, Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan memberikan alasan-alasannya kepada:
  - a. Majlis Tarjih Yang bersangkutan.
  - b. Majlis Tarjih tingkat atasnya.
4. Keputusan musyawarah Lajnah Tarjih yang berlainan dengan keputusan Mukhtamar Musyawarah Lajnah Tarjih tingkat atasnya, disampaikan kepada Majlis Tarjih Pusat.
5. Keputusan Lajnah Tarjih hanya dapat diroboh atau dibatalkan oleh keputusan Musyawarah Lajnah Tarjih yang setingkat atau tingkat atasnya.

Pasal 8:

Untuk melaksanakan tugasnya, Majlis Tarjih membuat tata kerja yang disahkan oleh Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan.

Pasal 9:

Keuangan Lajnah Tarjih dibebankan kepada Pimpinan Persyarikatan tingkat yang bersangkutan.

Pasal 10:

Hal-hal yang belum diatur dalam kaedah ini akan diatur oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah.

Pasal 11:

Kaedah ini berlaku sejak ditetapkan.

Yogyakarta, 4 Mei 1971 M/9 Rabiul Awal 1391 H

PP. Muhammadiyah

Ketua,

Sekretaris,

Ttd.

Ttd.

(Haji AR. Fachruddin)

(M. Djindar Tamimy)

**Lampiran II**

Contoh Surat Keputusan Muhammadiyah Tentang Penentuan 1 Ramadan tahun 2012:









**Lampiran III**

Contoh Surat Keputusan Muhammadiyah Tentang Penentuan 1 Ramadan tahun 2013:

